

PM: ASEAN perlu tingkat perdagangan sesama anggota, rakan dari Asia Timur

# Jangan bergantung kepada AS

UM - 6 NOV 2001

Daripada ZAINI HASSAN  
dan NORDIN JONID

**B**ANDAR SERI BEGAWAN 5 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, ASEAN tidak boleh lagi bergantung kepada pertumbuhan ekonomi tradisionalnya seperti Amerika Syarikat (AS) tetapi sebaliknya perlu meningkatkan pelaburan dan perdagangan di kalangan sesama anggota serta rakan dari Asia Timur.

Ini kerana, kata Perdana Menteri, “kita tidak lagi boleh bergantung kepada Amerika Syarikat sebagai enjin atau lokomotif (penjana) pertumbuhan (ekonomi) kerana apabila AS menghadapi masalah kita akan turut terlibat dan kita akan menghadapi kerugian.”

## ● Lagi laporan — Muka 2

Sehubungan itu, Dr. Mahathir berkata, Malaysia telah menekankan betapa pentingnya kerjasama dipertingkatkan antara negara anggota ASEAN kerana pada masa ini ASEAN tidak boleh lagi bergantung kepada pelaburan asing secara langsung (FDI).

“Dalam mesyuarat ASEAN+3 kita telah menekankan betapa pentingnya negara-negara ASEAN dan Asia Timur mengadakan kerjasama secara lebih rapat dengan mengadakan sebuah sekretariat bagi ASEAN+3,” katanya pada sidang akhbar di akhir Sidang Kemuncak ke-7 ASEAN dan mesyuarat ke-5 dengan rakan-rakannya dari China, Jepun dan Korea Selatan (ASEAN+3) di sini hari ini.

Beliau menyatakan demikian ketika menjawab soalan mengenai cadangannya supaya ditubuhkan sebuah sekretariat khusus ASEAN+3. Esok para pemimpin ASEAN akan mengadakan mesyuarat berasingan dengan tiga rakan dari Asia Timur itu dalam apa yang dikenali sebagai ASEAN+1.

Sidang kali ini berlangsung ketika ASEAN menghadapi dua cabaran besar sejak pertubuhan ini diasaskan pada 1967.

■ Lihat muka 5

## Jangan bergantung kepada AS

UM - 6 NOV 2001

Dua cabaran utama itu ialah mencari strategi bagi menangani kesan kelembapan ekonomi dunia yang telah pun berlaku sebelum serangan pengganas di AS pada 11 September lalu serta memberikan sumbangan kepada usaha-usaha antarabangsa bagi memerangi keganasan.

Sehubungan itu, cadangan Malaysia mengenai penubuhan Sekretariat ASEAN+3 dipercayai oleh kalangan penganalisis sebagai antara strategi bagi mengurangkan kesan-kesan kelembapan ekonomi dunia terhadap rantau ini.

“Kami merasakan masanya telah tiba bagi kita untuk benar-benar memperkukuhkan kerjasama dan langkah seterusnya ialah penubuhan sebuah Sekretariat ASEAN+3 kerana cadangan telah dibuat oleh Kumpulan Wawasan Asia Timur (EAVG) supaya kita membentuk satu komuniti Asia Timur.

“Kita rasa mungkin terlalu awal untuk melakukannya (pembentukan komuniti Asia Timur), tetapi sebaliknya terdapat beberapa keperluan segera kerana kita perlu meningkatkan perdagangan dengan negara-negara Asia Timur,” kata Dr. Mahathir.

Tegas Perdana Menteri, ASEAN juga mahu negara-negara Asia Timur berdiri teguh apabila terdapat cadangan yang mungkin penting bagi kepentingan negara-negara Asia Tenggara dan negara-negara Asia secara keseluruhan.

“Sehubungan itu, jika kita

mempunyai Sekretariat ASEAN+3, ia tidak akan menghasilkan komuniti Asia Timur, tetapi menjadikan 13 negara (10 anggota ASEAN + Jepun, China dan Korea Selatan) lebih erat dan mengenal pasti bagaimana kita boleh mengadakan pendirian bersama, bagaimana kita perlu berbahas dan kemudian mengadakan sidang kemuncak para pemimpin Asia Timur,” jelas beliau.

ASEAN dan tiga rakannya itu mempunyai pasaran membabitkan 2 bilion pengguna.

Mengenai pendirian Malaysia berhubung cadangan penubuhan Zon Perdagangan Bebas (FTA) antara ASEAN dan China, Dr. Mahathir berkata, Malaysia menyambut baik FTA dengan China, tetapi perlu melihatnya secara lebih terperinci.

“Ini kerana walaupun kadangkala terdapat perjanjian am mengenai perdagangan bebas, tetapi pelaksanaannya mungkin hanya akan menguntungkan sebelah pihak sahaja,” jelas Dr. Mahathir.

“Kita mahu kedua-dua pihak mendapat manfaat daripada perjanjian perdagangan bebas,” kata Dr. Mahathir lagi.

China merupakan satu pasaran yang besar dan pada masa yang sama merupakan pengeluar utama barangan-barangan daripada sektor pembuatan, dan ini merupakan satu saingan secara langsung kepada para pengeluar dari Asia Tenggara. — *Utusan*